BULETIN RAMADHAN KITA
BURAK
IMU
EDISI SATU (1): Ramadhan 1431 H, 2010

Tahukah kita bahawa terdapat banyak peristiwa penting yang telah berlaku pada bulan Ramadhan termasuklah pada zaman Nabi Muhammad S.A.W? Tujuan kita menyelidik kembali sejarah lampau yang jatuh pada bulan Ramadhan tidak lain dan tidak bukan melainkan untuk sama-sama kita bermuhasabah dan menilai diri kita sama ada kita mencapai apa yang telah dicapai oleh mereka yang hidupnya sebelum kita. Berikut merupakan antara yang boleh dijadikan iktibar mahupun dibaca untuk sekadar pengetahuan.

1.Perang Badar, perang pertama

Perang ini adalah yang pertama dalam Islam dan dicatatkan telah berlaku pada 2 Ramadhan, tahun ke-2 Hijrah. Dinamakan ia sebagai Perang Badar sempena nama sebuah lembah di mana ia terjadi. Perang ini adalah antara hanya 313 tentera Islam menentang 1000 tentera kafir Musyrikin Mekah. Lebih menariknya, ia berlaku ketika umat Islam sedang berpuasa! Siapa yang tidak kagum, dalam keadaan yang kelihatan serba kekurangan, pihak Islam memenangi perang ini. Maka, siapa dia yang layak untuk berkata bahawa ia satu kekurangan jika bantuan Allah sentiasa di sisi mereka? Subhanallah. Firman-Nya:

"Sesungguhnya Allah menolong kamu dalam Perang badar, sedangkan pada masa itu kamu orang yang lemah. Sebab itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mensyukurinya." *(3: 123)*

Iktibar yang dapat diambil cukup jelas. Pertama, puasa bukan alasan untuk berasa lemah dan malas, sebaliknya dengan berpuasalah kita sewajarnya lebih bertenaga dan bersemangat dalam melakukan pekerjaan, apatah lagi melawan hawa nafsu. Bukankah jihad melawan nafsu itu bentuk jihad yang terbesar? Maka, marilah sama-sama kita pun berperang, tetapi mungkin secara mental buat masa sekarang, iaitu berperang dengan ajakan-ajakan dan bisikan jahat nafsu dan syaitan, semoga Allah sentiasa bersama dengan kita.

2. Pembukaan Kota Mekah

Peristiwa penuh sejarah dan makna ini berlaku pada tanggal 10 Ramadhan tahun ke-10 Hijrah, apabila Musyrikin Mekah melanggar Perjanjian Hudaibiyah yang telah dimeterai dengan umat Islam di bawah pimpinan baginda Rasulullah S.A.W.

3. Khalid Al-Walid meruntuhkan berhala Al-'Uzza

Setelah umat Islam membebaskan Kota Mekah Al-Mukarramah, proses penyucian dilakukan dengan 360 patung di sekeliling kaabah telah dihancurkan. Lima hari sebelum berakhirnya bulan Ramadhan pada tahun ke-9 Hijrah, Khalid Al-Walid diamanahkan Rasulullah S.A.W menghancurkan patung Al-'Uzza di Nakhla, sekaligus mengakhiri penyembahan berhala.

Banyak lagi sebenarnya peristiwa penting yang telah berlaku pada bulan Ramadhan tetapi saya sarankan, silalah buat pembacaan lanjut dengan usaha sendiri kerana saya tidak mampu meletakkan kesemuanya sekali di sini. Walau bagaimanapun, sekadar tambahan akhir, tahukah kita bahawa pernikahan Saidina Ali dan puteri baginda Rasulullah S.A.W, Fatimah r.a juga berlangsung pada bulan ini? Maka, marilah kita ambil pengajaran dengan berkahwin ramai-ramai bulan ini, jom! Tidak, bukan begitu. Saya hanya bergurau. Cumanya, yang jelas ialah dalam bulan yang mulia ini, banyakkanlah melakukan perkara-perkara yang baik (pernikahan itu sunnah Rasulullah) kerana dengan izin Allah S.W.T, ganjaran pahala dilipat gandakan. Ameen~

Di dalam Kitab Bimbingan Mukminin pada mencari Redha Rabbil-'Alamin oleh Imam Ghazali, sebagaimana diterjemahkan oleh Syed Ahmad Semait, terdapat tiga jenis puasa dan tingkatannya.

Pertama, **Puasa Umum**; iaitu berpuasa dengan menahan perut dan faraj (kemaluan) dari mengecap kesyahwatannya.

Kedua, **Puasa Khusus**; iaitu puasa yang disertakan dengan mengekang pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki, dan seluruh anggota daripada melakukan perkara-perkara yang haram atau dosa.

Ketiga, **Puasa Khususul-Khusus;** iaitu berpuasa dengan menyertakan semua yang telah disebut di atas, ditambah dengan berpuasanya hati daripada segala cita-cita yang kotor dan pemikiran-pemikiran keduniaan, dan menumpukan perhatian hanya pada Allah S.W.T.

Sabda Rasulullah S.A.W: "Orang yang berpuasa itu mempunyai dua kegembiraan: Kegembiraan yang pertama ketika masa berbuka puasanya, dan kegembiraan yang lain ialah ketika masa menemui Tuhannya."